



Suasana pembelajaran bersama-sama murid SK Bundu Tuhan.

# Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris

BH 24.7.2014 v8

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa komited dalam menjalankan program kerjasama universiti-komuniti di luar bandar bagi mencapai objektif meneroka, memelihara dan memanfaatkan ilmu dengan berkesan untuk pembangunan masyarakat dan negara.

Terbaru, Projek Pembangunan Objek Pembelajaran Berasaskan ICT Melalui Kaedah Asli untuk Sekolah Rendah Luar Bandar dilaksanakan UMS bertempat di Sekolah Kebangsaan (SK) Bundu Tuhan, Ranau.

Projek diketuai pensyarah, Yoon Sook Jhee membabitkan 15 pelajar tahun dua dan tiga program Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (PPP) UMS berkampung selama seminggu di sekolah berkenaan.

Dekan PPP, Prof Dr Ismail

Ibrahim, projek ditaja Kementerian Pendidikan di bawah Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) antara lain bertujuan mengkaji keberkesanan objek pembelajaran yang dibina untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

"Penggunaan objek pembelajaran yang berdasarkan ICT ini membabitkan pelbagai elemen multimedia seperti animasi, muzik dan grafik. Program juga bertujuan memperkaya pengalaman pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

## Teknik pengajaran

"Saya berharap program ini dapat memberi manfaat kepada murid dan guru SK Bundu Tuhan dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris," katanya ketika merasmikan majlis penutupan pro-

jem tersebut.

Teks ucapan beliau dibaca Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni PPP, Dr Suyansah Swanto.

Sementara itu, Guru Besar SK Bundu Tuhan, Johnny Ghani berkata, pelaksanaan program itu dilihat berkesan dalam merangsang minat murid untuk mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris.

Katanya, keriangan jelas terpancar pada wajah murid pra sekolah sehingga pelajar Tahun Tiga yang terabit dalam projek itu atas kesudian UMS mencurahkan ilmu membantu mereka.

"Walaupun sekolah ini agak ketinggalan dari aspek infrastruktur, namun dalam aspek akademik tidak jauh berbeza dengan sekolah lain. Bimbingan seumpama ini mampu meningkatkan lagi tahap pencapaian akademik murid sekolah ini," katanya.



Aksi murid ketika melakukan **persesembahan berbahasa Inggeris**.